



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

TEKS UCAPAN

KETUA PENGARAH JPNIN

MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2023

**KETUA PENGARAH BERSAMA WARGA KERJA JABATAN
PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)**

AUDITORIUM C1, ARAS 4, KOMPLEKS C, JPA

16 JANUARI 2023 (ISNIN) | 23 JAMADIL AKHIR 1444H



Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera

SALUTASI

YBrs. Encik Zulkifli bin Hashim

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YBrs. Encik Mohd Fardhi bin Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)

Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPNIN

Pengarah-Pengarah Perpaduan Negeri

Semua warga kerja Ibu Pejabat JPNIN, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati
sekalian.

ALU-ALUAN

- 1) Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in. Marilah bersama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua kita berada dalam keadaan sihat dan dapat hadir ke **Majlis Amanat Tahun Baru 2023 Ketua Pengarah Bersama Warga Kerja Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**. Selawat dan salam buat Rasulullah SAW junjungan tercinta dan para sahabat serta ahli keluarga baginda.
- 2) Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Bahagian Khidmat Pengurusan selaku penganjur perhimpunan pada tahun ini.
- 3) Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Perpaduan Negeri, Para pegawai dan warga kerja JPNIN di Ibu Pejabat mahupun yang hadir secara hibrid. Terima kasih kerana meluangkan masa bersama saya dalam perhimpunan ini.

UCAPAN SELAMAT TAHUN BARU 2023

- 4) Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Tahun Baru 2023** kepada semua warga kerja JPNIN di seluruh Malaysia. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JPNIN yang telah melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan cemerlang sepanjang tahun 2022. Saya percaya setiap daripada kita telah berusaha dengan sehabis baik dalam mengharungi cabaran sepanjang tahun 2022 yang lalu. Jelaslah bahawa kejayaan yang dikecapi JPNIN pada hari ini adalah hasil dambaan sinergi seluruh warga JPNIN baik diperingkat kumpulan pelaksana, profesional dan pengurusan utama yang memastikan peranan dan fungsi agensi berada pada tahap cemerlang. Diharapkan ia akan menjadi pemangkin dan kekuatan untuk kita terus beristiqamah dan beriltizam melaksanakan perkhidmatan dengan lebih cemerlang dan berintegriti dalam menjalankan amanah yang ditetapkan sepanjang pada tahun 2023 ini.

- 5) Beberapa kejayaan yang telah ditempa pada tahun 2022 yang lalu dan haruslah diteruskan pada tahun ini juga. Kejayaan seperti ini tidak datang bergolek sendiri sekiranya tiada **sokongan yang padu**

daripada **warga kerja JPNIN dan pihak Kementerian Perpaduan Negara** secara amnya. Diharapkan juga seluruh warga kerja JPNIN terus beriltizam **supaya matlamat YAB Perdana Menteri Kesepuluh iaitu mewujudkan masyarakat madani** tercapai. **Masyarakat madani** atau yang disebut pihak Barat sebagai "**Civil Society**" mempunyai prinsip asas pluralis, toleransi dan hak asasi manusia serta terkandung di dalam prinsip demokrasi. Beliau juga menambah agar masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini dapat mengekalkan perpaduan dan dapat menerima kepelbaggian yang ada demi kemakmuran bersama.

YBrs. Dr./Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,

PERHIMPUNAN YAB PM BERSAMA WARGA KERJA JPM

- 6) Pada 29 November 2022 yang lalu, semasa **Perhimpunan Bulanan Warga JPM Bersama YAB Perdana Menteri**, beliau telah **menyuarakan kebimbangan amalan pemberian cenderahati ataupun hadiah di kalangan penjawat awam**. Beliau menegaskan bahawa pemberian hadiah seperti itu harus dihentikan kerana ianya sangat cenderung ke arah rasuah dan salah guna kuasa. Pada masa yang sama, YAB Perdana Menteri juga gusar dengan keadaan

ekonomi dan penjawat awam tidak perlu lagi membebani orang ramai untuk memberikan cenderahati ataupun hadiah. Kementerian Perpaduan Negara juga telah mengambil langkah kanan bagi menyahut gesaan YAB PM iaitu telah mengadakan **Majlis Menandatangani MOU bersama SPRM dan melafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada Majlis Amanat Bersama YB Menteri Perpaduan Negara pada 12 Januari 2023** yang lalu. Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan diperluaskan kepada agensi kerajaan ataupun GLC. Pelaksanaan IBR ini jelas menunjukkan **Kementerian yang diterajui oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang komited** dalam mewujudkan persekitaran kerja yang telus dan bebas rasuah.

- 7) Dalam majlis yang sama, **beliau telah memuji profesionalisme penjawat awam kerana menjadi tunggak mentadbir negara dan sentiasa bersedia** dengan keadaan politik semasa di Malaysia yang tidak menentu.

YBrs.Dr./Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

- 8) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai **6 agensi** lain selain JPNIN. Antara agnesi yang di bawah KPN, ialah:
- a) Jabatan Muzium Malaysia
 - b) Arkib Negara Malaysia
 - c) Perpustakaan Negara Malaysia
 - d) Yayasan Sukarelawan Siswa
 - e) Yayasan Tunku Abdul Rahman
 - f) Yayasan Tun Razak

MENDEPANI CABARAN PASCA ENDEMIK COVID-19

- 9) Sepanjang tahun 2022, kita sekali lagi diuji dengan pelbagai cabaran, iaitu bermula dari Pandemik COVID-19 hingga ke Endemik COVID-19, perubahan politik serta bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir. Tiada siapa pernah menyangka COVID-19 telah berjaya mengubah hampir keseluruhan cara kita berfikir, bekerja dan menguruskan negara. Tiada siapa pun di antara kita yang

berpengalaman berdepan dengan situasi ekonomi, sosial dan politik yang begitu dinamik seperti hari ini.

- 10) Ini adalah kerana COVID-19 bukan sahaja satu fenomena perubahan, tetapi juga membawa impak dari segi ekonomi dan perubahan rutin harian. Wabak ini telah menimbulkan banyak ketidaktentuan tentang masa hadapan, sekali gus menimbulkan kebimbangan semua.
- 11) Pada April 2022 yang lalu, kita telahpun beralih dari fasa pandemik kepada endemik, situasi di mana sesuatu penyakit itu sentiasa wujud dalam sesuatu masyarakat atau tempat. Dalam erti kata lain, COVID-19 akan sentiasa ada bersama kita, cuma pada kadar yang terkawal.

CABARAN TAHUN 2023

- 12) Pada tahun 2023 ini, ramai pakar **menjangkakan ekonomi dunia akan lebih mencabar dan beberapa krisis global** akan berlaku. Spekulasi ini ternyata terbukti apabila harga barangan semakin meningkat dan nilai matawang tidak konsisten. Dalam erti kata lain, kuasa beli pengguna semakin lemah.

- 13) Untuk makluman, JPNIN telah meletakkan keutamaan agenda **Teras 3: Memperkasa Kesejahteraan Sosial dan Kos Sara Hidup** dalam **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 hari YB Menteri Kementerian Perpaduan Negara**. JPNIN begitu komited untuk membantu golongan ataupun komuniti yang terjejas dan telah merancang satu pelan jangka panjang untuk membantu komuniti Rukun Tetangga dalam persediaan menghadapi kos sara hidup meningkat dan juga kekurangan bekalan makanan. Bahagian PMK akan mengenalpasti beberapa lokasi berpotensi untuk **memperluaskan Projek Ekonomi Rukun Tetangga di seluruh Malaysia**. Inisiatif murni ini merupakan satu langkah JPNIN untuk menambah pendapatan isi rumah komuniti Rukun Tetangga dan juga menambahkan pendapatan mereka melalui **Projek Kebun Komuniti (Kebuniti)**. Projek ini merupakan langkah alternatif kepada komuniti untuk meningkatkan pendapatan dan menawarkan bekalan makanan yang berterusan.
- 14) JPNIN juga membantu golongan sasaran iaitu B40 untuk menambahkan pendapatan. Sebagai contoh, **Projek Pengumpulan Minyak Terpakai** akan dilaksanakan bersama Rakan Strategik iaitu Petronas, mampu memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga dengan mewujudkan peluang ekonomi termasuk manfaat kepada komuniti dan memberi kesedaran terhadap Alam Sekitar. Antara

program lain yang telah dirancang adalah **Program Perantis Usahawan KRT** dan **Jualan Produk KRT di Kedai-kedai Mesra Petronas (*Bisnes Matching*)**.

YBrs.Dr./Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MEMBANTU JENTERA PERPADUAN YANG TERJEJAS

- 15) JPNIN sentiasa berusaha untuk membantu golongan B40 yang terjejas akibat banjir mahupun hilang punca pendapatan melalui inisiatif **Kesejahteraan sosial komuniti**.

- 16) Pada ketika ini, pemberian bakul makanan kepada mangsa di kalangan komuniti Kawasan Rukun Tetangga juga diteruskan melalui program **RT Cares**. Mudah-mudahan dengan cara pemberian bakul makanan tersebut kita boleh membantu mereka dan meringankan beban mereka.

- 17) Saya juga ingin merakamkan **ucapan terima kasih tidak terhingga kepada warga JPNIN yang turut sama turun padang menyumbang masa, tenaga dan keringat** dalam membantu mangsa-mangsa banjir di beberapa negeri khususnya kejadian banjir

lumpur di Baling, Kedah pada Julai 2022 dan juga kejadian tanah runtuh di Ranau, Sabah pada awal tahun 2023 ini juga. Saya juga telah difahamkan bahawa beberapa rumah komuniti KRT telah teruk terjejas ada juga hilang tempat kediaman.

- 18) Selain itu, saya menyeru kepada setiap warga kerja JPNIN untuk **menyiapkan diri dengan ilmu menghadapi risiko bencana alam dan bantuan kecemasan**. Kita hendaklah sentiasa bersedia dan cakna dengan sebarang informasi, agar dapat mengambil langkah segera dari aspek keselamatan diri, keluarga dan harta benda, supaya berada dalam keadaan selamat.

EKSPEKTASI TAHUN 2023

- 19) Dalam kita melangkah ke tahun 2023, penjawat awam perlu sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. **Membangunkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi** hanya akan dapat dicapai dengan adanya warga Jabatan yang **berkemahiran memimpin, berdaya fikir inovatif dan bermandiri menghadapi cabaran**.

- 20) Nilai-nilai kompeten inilah yang mampu meningkatkan pencapaian warga JPNIN, sekali gus **meyakinkan pemegang taruh dan rakyat terhadap perkhidmatan berkualiti, seperti yang dijanjikan.**
- 21) Sebagai langkah ke hadapan, momentum kejayaan tahun lalu perlu kita teruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan bijak. Setiap **Pengarah Bahagian dan juga Pengarah Perpaduan Negeri** juga perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dan memastikan mekanisme kawalan dalaman **sentiasa dilaksanakan.** Ini penting bagi memastikan program-program yang akan dilaksanakan menepati objektif yang ditetapkan, seterusnya memberi impak yang maksimum kepada kumpulan sasaran.
- 22) Pada mesyuarat Pengurusan Strategik Bersama Pengarah Perpaduan Negeri yang dijadualkan besok (17/1/2023), Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP) akan membentangkan **Takwim Perancangan Program JPNIN Bagi Suku Tahun Pertama 2023 (Jan – Mac).**
- 23) Untuk makluman Pengarah Perpaduan Negeri yang hadir juga, segala Perancangan program dan aktiviti yang diletakkan dalam

takwim itu **berpaksikan kepada tiga teras utama Dasar Perpaduan Negara** iaitu:

i. Patriotisme dan Demokrasi;

ii. Identiti Nasional; dan

iii. Ekosistem Perpaduan.

24) Pada masa yang sama, Kementerian akan memperkasa penghayatan terhadap lima prinsip Rukun Negara bagi membina perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat. Untuk itu, Kementerian akan melaksanakan program-program pengukuhan perpaduan berimpak tinggi pada tahun ini termasuk **Program Ini Malaysia Kita** dan **Sambutan Minggu Perpaduan** (pada minggu terakhir bulan Mei).

25) Pelancaran **Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) yang pertama akan diadakan di Sarawak pada bulan Mei 2023 dan diperluas ke negeri – negeri yang lain.** Saya berharap setiap Pengarah Perpaduan Negeri mengambil maklum dan bersedia dengan arahan dari masa ke semasa.

26) Selain itu juga, Pengarah Perpaduan Negeri (PPN) dipohon untuk mempergiatkan Gerak Kerja mahupun libat urus bersama Kerajaan

Negeri. Bilangan **rakan strategik dan *Friends of Unity (FOU)*** harus dipertingkatkan di negeri agar pelaksanaan aktiviti perpaduan lebih berkesan dan mendapat sokongan daripada golongan sasar.

- 27) **Gerak kerja pengesanan dan pemantauan terhadap isu-isu** yang boleh menggugat kesepaduan dan keharmonian masyarakat perlu ditingkatkan secara efisien dan tindakan intervensi sosial seperti pencelahan melalui mediasi dalam menguruskan konflik di kalangan masyarakat wajar diperluas dan diperhebatkan.
- 28) Pada tahun ini juga dijangkakan beberapa negeri akan **membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN)** untuk mengadakan **Pilihan Raya Negeri (PRN)** bagi pembentukan kerajaan negeri.
- 29) Saya juga berharap agar PPN sentiasa **memantau dan melaporkan isu-isu perpaduan** semasa tempoh berkempen kelak.

YBrs.Dr./Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

PENUTUP

30) Saya juga menyeru **seluruh warga JPNIN terus kekal mengamalkan penjagaan sendiri dan sentiasa patuh kepada pelaksanaan dasar-dasar yang terkini supaya dapat menjadikan ianya sebagai punca kejayaan.**

31) Semoga semua warga JPNIN yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti.

Wabillahhi taufik wal hidayah, assalamualaikum wbt

Sekian, terima kasih.